

16 MAC 2018

## Rumah jadi stor dadah, senjata

6 NEGARA

KOSMO! JUMAAT 16 MAC 2018

PGA serbu kediaman dua lelaki, rampas pelbagai dadah bernilai RM32,620

# Rumah jadi stor dadah, senjata

Oleh NOR AFIQAH MAT NOR

**KOTA BHARU** — Tindakan dua lelaki termasuk seorang rakyat Thailand yang menjadikan sebuah rumah baru siap sebagai tempat menyimpan pistol, peluru dan dadah terbongkar selepas diserbu polis dalam operasi di pangkalan haram Jitong Bukit Lata, Jeram Perdah, Pasir Mas dekat sini kelmarin.

Dalam serbuan pada pukul 5 pagi itu, polis menemui dua pucuk pistol, 94 butir peluru dan pelbagai jenis dadah dianggarkan bernilai RM32,620.

Ketua Polis Kelantan, Datuk Hasanuddin Hassan berkata, kedua-dua suspek berusia 34 dan 52 tahun itu diberkas di rumah tidak bernombor oleh Pasukan Gerakan Am (PGA) Batalion 9 Kubang Badak, Terengganu.

Katanya, turut ditemui di rumah itu ialah empat biji pil kuda yang disorokkan di dalam satu

beg kecil.

“Hasil pemeriksaan lanjut di dalam sebuah stor kayu di hadapan rumah tersebut telah menemui dua pucuk pistol berwarna hitam termasuk sepucuk pistol angin yang berisi tiga butir peluru.

“Senjata ini disyaki digunakan untuk mempertahankan diri dan disewa kepada individu lain bagi melindungi sindiket pengedaran dadah yang dijalankan,” katanya pada sidang akhbar di Ibu Pejabat Polis Kontinjen (IPK) Kelantan di sini semalam.

Menurut beliau, 91 butir peluru hidup itu pula ditemui di dalam dua kotak berasingan serta satu plastik lut sinar berisi alatan mencuci pistol.

Jelasnya, antara dadah yang dirampas ialah 2,800 biji pil kuda, 60 biji pil eramin 5, 13,000 mililiter cecair kehitaman disyaki dadah kodein, 10 kilogram daun ketum serta empat liter ubat batuk yang keseluruhan-



HASANUDDIN (tiga dari kanan) menunjukkan dua pucuk pistol dan beberapa bungkusan dadah yang dirampas pada sidang akhbar di IPK Kelantan, Kota Bharu semalam.

nya dianggarkan berjumlah RM32,620.

“Soal siasat masih dijalankan bagi mengenal pasti punca beka-

lan dadah serta senjata api itu diperolehi dan setakat ini masih tiada pengakuan dari kedua-dua suspek.

“Polis juga masih meneruskan siasatan untuk mengenal pasti sindiket-sindiket lain yang terlibat dalam kegiatan pengedaran dadah termasuk senjata api,” katanya.

Hasanuddin berkata, kedua-dua suspek yang tidak mempunyai pekerjaan itu didapati positif methamphetamine malah lelaki tempatan terbabit memiliki dua rekod lampau berkaitan dadah.

Mereka direman selama seminggu bermula semalam hingga 21 Mac depan bagi membantu siasatan.

Kes disiasat mengikut Seksyen 39B Akta Dadah Berbahaya (ADB) 1952, Seksyen 8 Akta Senjata Api (Penalti Lebih Berat) 1971, Seksyen 8(a) Akta Senjata Api 1960, Seksyen 39A(1) ADB 1952, Seksyen 12(2) ADB 1952, Seksyen 30(3) Akta Racun 1952, Seksyen 15(1)(a) ADB 1952 dan Seksyen 6(3) Akta Imigresen 1952.